



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

Isu keselamatan perkomputeran awanan

Sekiranya kita melanggan perkhidmatan teknologi maklumat menerusi perkhidmatan perkomputeran awanan (*cloud computing*), apakah isu-isu keselamatan data yang perlu dilihat?

Pang, Lipis.

PENGGKOMPUTERAN awanan merupakan satu teknologi yang popular digunakan dalam penghantaran dan penggunaan sumber-sumber pada masa kini seperti simpanan data, pembangunan aplikasi komputer, perkhidmatan e-mel dan lain-lain.

Namun begitu, terdapat beberapa isu keselamatan yang perlu diberi perhatian secukupnya ketika melanggan mana-mana perkhidmatan teknologi maklumat yang berasaskan pengkomputeran awanan atau *cloud computing*. Ia bergantung juga kepada sejauh mana penting dan sensitifnya data yang terlibat dalam persekitaran pengkomputeran awanan yang digunakan.

Seterusnya disenaraikan beberapa isu keselamatan data yang perlu diambil kira dalam melanggan mana-mana perkhidmatan pengkomputeran awanan.

1Keperluan perlindungan data mesti menjadi keutamaan. Risiko kecurian dan penggunaan data secara tidak sah oleh pihak yang tidak bertanggung jawab perlu dipertimbangan kaedah atau prosedur untuk menanganinya adalah satu kebimbangan, kerana terdapat risiko yang besar.

2Apabila melanggan kepada mana-mana pembekal perkhidmatan pengkomputeran awanan awam, aspek kawalan data secara terus oleh pelanggan sudah tiada kerana prasarana teknologi maklumat yang digunakan adalah hak milik pembekal perkhidmatan pengkomputeran awanan awam.

3Kebanyakan pembekal perkhidmatan pengkomputeran awanan menjadi tegar dan menyebabkan kebergantungan sepenuhnya pengguna terhadap apa-apa perkhidmatan yang disediakan. Ia menyukarkan pengguna untuk menukar pembekal atau cara lain dalam mengendalikan mana-mana prasarana teknologi maklumat.

4Masalah kegagalan perkhidmatan teknologi maklumat oleh pihak pembekal perkhidmatan teknologi maklumat adalah di luar kawalan pengguna. Seterusnya boleh menjejaskan perjalanan operasi perniagaan dan menyebabkan kerugian.

5Penggunaan talian internet, rangkaian awam yang boleh dicapai oleh sesiapa sahaja berupaya mendedahkan perkhidmatan teknologi maklumat yang digunakan dalam pengkomputeran awanan kepada risiko-risiko keselamatan siber.

6Penggunaan teknik pengenkripsian data dan penghantaran data yang lemah dalam perkhidmatan pengkomputeran awanan mendedahkan kepada serangan siber oleh pihak tidak bertanggung jawab.

7Proses pemindahan data kepada perkhidmatan perngkomputeran awanan perlu dilihat juga isu kehilangan data, proses sandaran data dan faktor kecauaian manusia dalam menanganinya.

Pengendalian data dalam pengkomputeran awanan memerlukan satu set dasar, teknik dan peraturan-peraturan yang dirangka untuk mendapatkan data, aplikasi dan perkhidmatan teknologi maklumat yang lain dengan baik dan selamat.